

U B224 AAB
UMNO - MAHATHIR R R R

KUALA LUMPUR, 26 APRIL (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA PETANG INI KESETIAAN KEPADA PERDANA MENTERI BUKAN MERUPAKAN KRITERIA YANG BELIAU GUNAKAN UNTUK MEMILIH ANGGOTA KABINETNYA.

SEBALIKNYA YANG DIAMBIL KIRA IALAH KEBOLEHAN INDIVIDU DAN KESEDIAANNYA BERPEGANG KEPADA DUA SUMPAAH APABILA DILANTIK MENGANGGOTAI KABINET, KATANYA.

KEDUA-DUA SUMPAAH ITU IALAH +SUMPAAH MENYIMPAN RAHSIA+ DAN +SUMPAAH JAWATAN DAN TAAT SETIA KEPADA NEGARA DAN PERLEMBAGAAN.+

BELIAU SELAKU PRESIDEN UMNO MENERANGKAN KRITERIA ITU SEMASA MENGGULUNG PERBAHASAN PADA PERHIMPUNAN AGUNG KE-38 UMNO YANG BERAKHIR HARI INI.

SELAIN MEMATUHI SYARAT-SYARAT ITU, KATA PERDANA MENTERI, APA YANG BELIAU MAHU DARIPADA ANGGOTA KABINETNYA IALAH BERPEGANG KEPADA PERINSIP TANGGUNGJAWAB BERSAMA.

DATUK SERI DR MAHATHIR MEMBACAKAN KEPADA PERHIMPUNAN ISI KEDUA-DUA SUMPAAH ITU UNTUK MENUNJUKKAN BAHAWA SOAL KESETIAAN KEPADA PERDANA MENTERI TIDAK TIMBUL SAMA SEKALI DALAM MEMILIH ANGGOTA KABINETNYA. -- LAGI.

1830MST 26 04 87

U B232 AAB
UMNO - MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR R R R

MELALUI SUMPAAH MENYIMPAN RAHSIA SESEORANG ANGGOTA KABINET BERSUMPAAH (BAGI ANGGOTA ISLAM) ATAU BERIKRAR (BAGI BUKAN-ISLAM) BERSUNGGUH-SUNGGUH TIDAK AKAN MEMBERITAHU SESIAPA SEBARANG PERKARA YANG DIPERTIMBANGKAN OLEH KABINET KECUALI DENGAN KEBENARAN KHAS YANG DI-PERTUAN AGONG.

MELALUI SUMPAAH JAWATAN DAN TAAT SETIA PULA, SESEORANG ANGGOTA KABINET BERSUMPAAH/BERIKRAR BERSUNGGUH-SUNGGUH MENUNAIKAN KEWAJIPANNYA DENGAN JUJUR, TAAT SETIA KEPADA MALAYSIA DAN MELINDUNGI SERTA MEMPERTAHAKAN KEDAULATANNYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA= +KEDUA-DUA SUMPAAH ITU TIDAK SEKALI-SEKALI MENYEBUT TENTANG KESETIAAN KEPADA PERDANA MENTERI.+

BELIAU TIDAK MENJADIKAN KESETIAAN KEPADANYA SEBAGAI SYARAT +ASALKAN SAYA PERCAYA DIA TIDAK AKAN MEMBOCORKAN RAHSIA DAN TAAT KEPADA MALAYSIA,+ KATA DATUK SERI DR MAHATHIR. -- LAGI.

1842MST 26 04 87

U B236 AAB
UMNO - MAHATHIR 3 KUALA LUMPUR R R R

BELIAU MENJAWAB DEMIKIAN KEPADA BEBERAPA ANGGOTA PERWAKILAN NEGERI-NEGERI YANG MEMBANGKITKAN SOAL ITU DEMI MENJELASKAN KEKELIRUAN MENGENAI UKURAN BELIAU MELANTIK ANGGOTA KABINETNYA.

SEMASA PERBAHASAN, BEBERAPA ORANG WAKIL MEMETIK ISU BUKU +THE MALAY DILEMMA+ DALAM MANA DATUK SERI DR MAHATHIR DIKATAKAN MENKRIK PERDANA MENTERI PERTAMA TUNKU ABDUL RAHMAN KERANA MEMILIH ANGGOTA-ANGGOTA KABINET DARIPADA GOLONGAN YANG SETIA KEPADA TUNKU SAHAJA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA BELIAU BERPEGANG KEPADA SOAL PRINSIP DAN BUKAN SOAL PERIBADI DALAM MEMILIH ANGGOTA KABINETNYA.

KATANYA, BELIAU MEMPUNYAI PENDIRIAN TERTENTU DALAM SOAL PEMBENTUKAN KERAJAAN.

+KITA MESTI ADA PERATURAN KERJA. TAK TIMBUL SOAL SETIA KEPADA PM ATAU TIDAK.+

DALAM KONTEKS KEBIMBANGAN BEBERAPA ANGGOTA PERWAKILAN SUPAYA GOLONGAN YANG KALAH PADA PEMILIHAN PUCUK PIMPINAN KALI INI TIDAK DIANIYAI, BELIAU BERKATA BAHAWA SESIAPA YANG BERTANDING MESTILAH TAHU RISIKONYA.

KATA BELIAU: +KITA MENANG, KITA DAPAT SESUATU= KITA KALAH KITA TAK DAPAT SESUATU.+ -- BERNAMA.

1858MST 26 04 87